

Delegasi UMS dan LKIM Melawat Universiti Kinki



Tan Sri Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Abu Hassan (tengah) melawat sangkar haceri ikan Universiti Kinki.

Satu delegasi Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Lembaga Kemajuan Perikanan Malaysia (LKIM) telah melawat Universiti Kinki, Jepun, pada Mac 2005.



Pemandangan dari jauh kawasan hatcheri ikan Universiti Kinki, Jepun.

Delegasi tersebut, diketuai oleh Naib Canselor pertama UMS, Tan Sri Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Abu Hassan Othman, telah berbincang untuk mengadakan usahasama bagi membangunkan sektor akuakultur di Malaysia, khususnya di Sabah.

Antara perkara yang dibincangkan ialah penternakan dan pemberian ikan, sangkar hatcheri, latihan dan perundingan. Delegasi itu juga telah melawat sangkar hatcheri ikan Universiti Kinki.